



JABATAN UKUR DAN PEMETAAN MALAYSIA

---

**SURAT PEKELILING  
KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN  
BIL. 4 TAHUN 2004**

---

**PENGGUNAAN PROSES *DIGITAL END PRODUCT* (DEP) KE ATAS JILID KIRAAN DAN  
PELAN AKUI**

**JABATAN UKUR DAN PEMETAAN  
MALAYSIA**

**Dikelilingkan Kepada:**

Semua Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri

**Salinan Kepada:**

Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan

Pengarah Ukur Bahagian Pemetaan

Pengarah Ukur Bahagian Kadaster



**KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN MALAYSIA**

(Director General of Survey and Mapping Malaysia)

TINGKAT 1, BANGUNAN UKUR  
JALAN SEMARAK  
50578 KUALA LUMPUR  
MALAYSIA



Jabatan Ukur dan Pemetaan  
Malaysia

Telefon : 03-2692 5932

: 03-2617 0800

Fax : 03-2691 7457

E-Mail : hamidali@jupem.gov.my  
dg@po.jaring.my

Rujukan Kami : KTPK18/7/2.146 ( 11 )

Tarikh : **13** Mei 2004

Semua Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri

**SURAT PEKELILING**

**KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN**

**BIL. 4 TAHUN 2004**

**PENGGUNAAN PROSES *DIGITAL END PRODUCT* (DEP) KE ATAS JILID  
KIRAAN DAN PELAN AKUI**

Merujuk kepada perkara di atas, dimaklumkan bahawa modul aplikasi DEP yang membolehkan tandatangan dibuat secara berdigit ke atas Jilid Kiraan (JK) dan Pelan Akui (PA) telah boleh beroperasi dengan sempurna.

2. Dengan penggunaan modul ini, ianya telah dapat mewujudkan satu pangkalan data imej bagi JK. Manakala bagi PA yang diluluskan melalui proses DEP ini membolehkan ianya (imej PA) disimpan terus ke dalam Sistem Pangkalan Data Imej Dokumen (SPID) tanpa perlu diimbas semula melalui modul aplikasi SPID. Di samping itu, modul DEP ini juga memperuntukkan unsur sekuriti kepada dokumen-dokumen JK dan PA yang dihasilkan.

3. Sehubungan dengan itu, semua Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri (PUPN) serta Timbalan Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri (TPUPN) adalah dikehendaki untuk menggunakan modul aplikasi DEP bagi meluluskan JK dan PA. Pelaksanaan aplikasi ini akan melengkapkan pemakaian Pekeliling Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Bil. 2 Tahun 2003 yang telah dikeluarkan pada 16 Jun 2003 .

4. Bagi membolehkan aplikasi ini dilaksanakan, semua PUPN dan TPUPN telah dibekalkan dengan *token* oleh Digicert. Walau pun begitu, sekiranya terdapat keperluan menggantikan token tersebut ianya hendaklah dipohon melalui Jabatan masing-masing.
5. Surat Pekeliling Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan ini adalah berkuatkuasa mulai daripada tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

**' BERKHIDMAT UNTUK NEGARA '**



**(DATO' HAMID BIN ALI)**

Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan  
Malaysia

**Salinan kepada :**

Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan  
Pengarah Ukur Bahagian Kadaster  
Pengarah Ukur Bahagian Pemetaan